

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN**  
**BIL. 3/1977**

---

**Menyediakan Kertas Lampiran/Kembaran Kepada Rang Kertas M.M.K.**

Adalah saya dengan segala hormatnya menarik perhatian semua PHT kepada kandungan surat SUK(KN) Bil. 1435/56/Pt.IV(7) bertarikh pada 15.1.75 dan kepada surat PTG.Kn. Sulit 5/72/(45) bertarikh pada 1.2.75 bagaimana salinan yang berkembar berkenaan dengan perkara yang di atas.

2. Sebagaimana yang dinyatakan dalam surat yang diatas bahawa segala kertas Lampiran/Kembaran yang disediakan untuk dikembarkan dengan sesuatu Kertas M.M.K. adalah dikehendaki disediakan sebanyak 22/30 salinan untuk kegunaan M.M.K. dan juga Pejabat P.T.G.

3. Cara dan Peraturan yang ditetapkan diatas masih lagi dipakai sekarang kecuali dalam kes-kes pengambilan balik tanah khas untuk projek-projek jalanraya dan taliair bagaimana Pekeliling P.T.G. Bil. 6/1977 yang telah dikeluarkan pada 29.3.77 dalam mana kuasa meluluskannya telah diperturunkan kepada YAB Dato' Menteri Besar/YB. Tuan Timbalan Menteri Besar. Dalam kes seperti ini kertas lampiran/kembaran yang diperlukan untuk dikembarkan dengan rang Kertas M.M.K. itu hanya bagaimana berikut sahaja :-

a) Borang C – 2 salinan sahaja

b) Borang D – 6 salinan sahaja

4. Adalah diharapkan supaya semua PHT mengambil ingatan diatas perubahan bagaimana perenggan 3 diatas.

(Mohd. Tajol Aros B.Ahmad)  
Pengarah Tanah Dan Galian,  
Kelantan.

Kepada - Semua Ketua-Ketua Jajahan dan Penolong-Penolong,  
Jajahan I, KELANTAN

s.k. - YB. Dato' Setiausaha Kerajaan,  
YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri  
Juru Odit Negeri Kelantan.  
Pengarah Ukur Negeri Kelantan.  
Pengarah L.K.T.N, Kelantan.  
Ketua Rancangan Penyelesaian Tanah Kelantan.  
Setiausaha kepada Menteri Besar.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
KELANTAN, KOTA BHARU.**

**PTG(KN) SULIT 5/72/(75)  
6hb.April,1977.**